



Ruj. Kami : JPN.01/09/01 (1)

Tarikh : 28 Julai 2023

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan)

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Perpaduan Negeri

Semua Pegawai Perpaduan Daerah

YBrs. Dr/ Tuan/ Puan,

**ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH JPNIN BIL.1/2023: GARIS
PANDUAN PEMAKAIAN BAJU KORPORAT JABATAN PERPADUAN
NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pegawai dan kakitangan Jabatan Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN) berkaitan Panduan Pemakaian Baju Korporat JPNIN.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pihak pengurusan Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional mendapati perlu dibuat penambahbaikan berkait dengan pemakaian baju korporat bagi pegawai dan kakitangan JPNIN.
- 2.2 Penyeragaman reka bentuk baju korporat JPNIN bertujuan untuk menetapkan identiti rasmi pemakaian baju korporat bagi warga kerja JPNIN. Selain itu, ia akan menjadi pakaian alternatif bagi program-program rasmi yang akan dilaksanakan oleh Jabatan.

- 2.3 Sehubungan dengan itu, garis panduan ini disediakan agar pemakaian baju korporat JPNIN di peringkat ibu pejabat, negeri dan daerah dapat diseragamkan.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Garis panduan pemakaian Baju Korporat JPNIN adalah terpakai kepada warga kerja JPNIN di peringkat ibu pejabat, negeri dan daerah.
- 3.2 Untuk makluman, **pembekalan baju korporat ini tidak melibatkan peruntukan Jabatan / bahagian** dan dicadangkan agar dibiayai sendiri oleh warga kerja JPNIN selaras dengan Surat Pekeliling Kewangan Bil. 8 Tahun 2008 (para 25) yang menyatakan bahawa "pembekalan baju korporat Jabatan / bahagian yang menggunakan peruntukan kerajaan dihentikan serta merta". Dalam hal ini pakaian semasa bertugas di pejabat (termasuk baju korporat) dan menghadiri upacara-upacara rasmi yang lain adalah tertakluk kepada pekeliling dan peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa seperti berikut:
- i. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1985 (Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai-pegawai Awam);
 - ii. Perkara 6 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993;
 - iii. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 (Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi);
 - iv. Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam JPS(S)TT.193/37 Jld4 bertarikh 15 Mac 2005 (Galakan Memakai Baju Kebangsaan Pada Hari Jumaat); dan
 - v. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2008 (Pemakaian Batik Malaysia oleh Pegawai Awam pada hari Khamis).

4.0 PEMAKAIAN

- 4.1 Pemakaian baju korporat oleh warga kerja JPNIN semasa dipejabat adalah dibenarkan pada setiap hari **SELASA** atau tertakluk kepada arahan Ketua Jabatan.
- 4.2 Pemakaian baju korporat oleh warga kerja JPNIN digalakkan ketika melaksanakan tugas rasmi di luar pejabat atau menghadiri program-program Jabatan.
- 4.3 Bagi warga kerja lelaki, baju korporat hanya boleh dipakai bersama-sama seluar panjang seperti *slack/ khakis* dengan keutamaan kepada warna gelap. Bagi warga kerja wanita, baju korporat hanya boleh dipakai bersama skirt labuh berbentuk A (*A line skirt*) paras tumit atau seluar panjang polos berwarna hitam.
- 4.4 Warga kerja JPNIN yang dibekalkan dengan pakaian seragam/ *uniform* hendaklah memakainya ketika bertugas pada setiap masa melainkan diarah dari semasa ke semasa oleh Ketua Jabatan.
- 4.5 Sehubungan dengan itu, YBrs. Dr./ tuan/ puan adalah diminta untuk memastikan Garis Panduan ini dipatuhi sepenuhnya serta memantau pelaksanaan pemakaian baju korporat oleh semua pegawai dan kakitangan di bawah seliaan masing-masing demi meningkatkan imej korporat JPNIN.

Sekian, terima kasih

“MALAYSIA MADANI”


“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' HJ. CHE ROSLAN BIN CHE DAUD)
Ketua Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional

LAMPIRAN

**SPEKIFIKASI PEMAKAIAN BAJU KORPORAT
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI		
1	<p style="text-align: center;">JATA NEGARA</p> 	<p style="text-align: center;">JATA NEGARA</p> <table border="1" data-bbox="850 638 1385 851"> <tr> <td data-bbox="850 638 1082 851">Ukuran</td> <td data-bbox="1082 638 1385 851"> <p>Tinggi 5.08 cm x 6.35 cm</p> <p>Lebar 2 inch X 2.5 inch</p> </td> </tr> </table>	Ukuran	<p>Tinggi 5.08 cm x 6.35 cm</p> <p>Lebar 2 inch X 2.5 inch</p>
Ukuran	<p>Tinggi 5.08 cm x 6.35 cm</p> <p>Lebar 2 inch X 2.5 inch</p>			
2	<p style="text-align: center;">NAMA</p> <p style="text-align: center;">ROSLAN ↑↓</p> <p style="text-align: right;">1.27CM / 0.5 INCH</p>	<p>UKURAN</p> <p>Ukuran bagi nama 0.5 inch / 1.27cm± (Tinggi) x 100% (Panjang) dan tulisan nama berwarna putih dan tulisan jenis Arial</p>		

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI
1	<p data-bbox="295 264 887 300">BAJU KORPORAT LELAKI (TYPE A)</p> <p data-bbox="475 344 783 380">(POSISI HADAPAN)</p>  <p data-bbox="464 1200 794 1236">(POSISI BELAKANG)</p> 	<p data-bbox="979 309 1203 344">A. MATERIAL</p> <ul data-bbox="1054 394 1299 551" style="list-style-type: none"> • Material baju adalah dari jenis Cotton Denim. <p data-bbox="1027 604 1158 640">WARNA</p> <ul data-bbox="1046 689 1347 806" style="list-style-type: none"> • Kod Warna baju korporat adalah 04 denim <p data-bbox="991 860 1190 896">B. CIRI-CIRI</p> <ul data-bbox="1038 945 1347 1787" style="list-style-type: none"> • BUTANG Enam (6) butang plastik bewarna keemasan (gold) dan satu butang di bahagian leher. • JAHITAN Jahitan Berganda • POKET Poket jenis tebuk di bahagian dada kiri • BENANG Kod warna benang adalah 55 Dolphin Jean

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI
2	<p data-bbox="293 264 887 300">BAJU KORPORAT LELAKI (TYPE B)</p> <p data-bbox="475 344 785 380">(POSISI HADAPAN)</p>  <p data-bbox="464 1200 796 1236">(POSISI BELAKANG)</p> 	<p data-bbox="979 309 1206 340">A. MATERIAL</p> <ul data-bbox="1038 394 1334 510" style="list-style-type: none"> • Material baju adalah dari jenis <i>Cotton Denim.</i> <p data-bbox="1027 562 1158 593">WARNA</p> <ul data-bbox="1046 647 1350 763" style="list-style-type: none"> • Kod Warna baju korporat adalah <i>04 denim</i> <p data-bbox="991 815 1190 846">B. CIRI-CIRI</p> <ul data-bbox="1038 900 1350 1742" style="list-style-type: none"> • BUTANG Enam (6) butang plastik bewarna keemasan (<i>gold</i>) dan satu butang di bahagian leher. • JAHITAN Jahitan Berganda • POKET Poket jenis tebuk di bahagian dada kiri • BENANG Kod warna benang adalah <i>55 Dolphin Jean</i>

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI
3	<p>BAJU KORPORAT WANITA (TYPE A)</p> <p>(POSISI HADAPAN)</p>  <p>(POSISI BELAKANG)</p> 	<p>A. MATERIAL</p> <ul style="list-style-type: none"> Material baju adalah dari jenis <i>Cotton Denim.</i> <p>WARNA</p> <ul style="list-style-type: none"> Kod Warna baju korporat adalah 04 denim <p>B. CIRI-CIRI</p> <ul style="list-style-type: none"> BUTANG Enam (6) butang plastik bewarna keemasan (<i>gold</i>) dan satu butang di bahagian leher. JAHITAN Jahitan Berganda POKET Poket jenis tebuk di bahagian dada kiri BENANG Kod warna benang adalah 55 <i>Dolphin Jean</i>

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI
4	<p data-bbox="293 264 903 300">BAJU KORPORAT WANITA (TYPE B)</p> <p data-bbox="453 344 762 380">(POSISI HADAPAN)</p>  <p data-bbox="461 1200 754 1236">POSISI BELAKAN)</p> 	<p data-bbox="938 309 1165 340">A. MATERIAL</p> <ul data-bbox="1018 398 1315 510" style="list-style-type: none"> • Material baju adalah dari jenis <i>Cotton Denim</i>. <p data-bbox="986 564 1120 595">WARNA</p> <ul data-bbox="1008 654 1350 766" style="list-style-type: none"> • Kod Warna baju korporat adalah 04 denim <p data-bbox="935 819 1136 851">B. CIRI-CIRI</p> <ul data-bbox="1015 909 1347 1706" style="list-style-type: none"> • BUTANG Enam (6) butang plastik bewarna keemasan (<i>gold</i>) dan satu butang di bahagian leher. • JAHITAN Jahitan Berganda • POKET Poket jenis tebuk di bahagian dada kiri • BENANG Kod warna benang adalah <i>55 Dolphin Jean</i>